



SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

EAIC TINJAU OPERASI LAPANGAN DI KOMPLEKS KASTAM, IMIGRESEN DAN KUARANTIN (CIQ) BANGUNAN SULTAN ISKANDAR (BSI) JOHOR BAHRU

UNTUK SIARAN SEGERA

12 JUN 2025

Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru sebagai sebahagian daripada inisiatif pemantauan berterusan dan usaha memperkuuh integriti pelaksanaan tugas agensi penguatkuasaan di lapangan.

Lawatan yang diketuai oleh Pengurus EAIC, Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar, bersama pengurusan tertinggi Suruhanjaya ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada, memahami cabaran semasa operasi, serta mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai keperluan dan sokongan kepada petugas barisan hadapan.

Sebagai salah satu pintu masuk antarabangsa paling sibuk di negara ini, Kompleks CIQ BSI merupakan lokasi strategik bagi lawatan ini, memandangkan aliran trafik harian yang tinggi antara Malaysia dan Singapura menuntut tahap penguatkuasaan yang cekap, berintegriti dan selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa. Kecekapan pelaksanaan tugas di kompleks ini bukan sahaja memberi kesan langsung kepada keselamatan sempadan dan kelancaran pergerakan rentas negara, malah turut mempengaruhi persepsi awam terhadap keupayaan serta integriti sistem penguatkuasaan negara.

Sepanjang lawatan, delegasi EAIC telah mendengar taklimat operasi daripada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Taklimat tersebut meliputi aspek kawalan sempadan, pengurusan aliran keluar masuk pelawat serta pematuhan prosedur keselamatan. Delegasi turut dibawa melawat beberapa kawasan operasi utama seperti kaunter pemeriksaan, pos kawalan utama serta zon pemeriksaan kenderaan dan penumpang.

Untuk maklumat lanjut berhubung siaran media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731

Menurut Tan Sri Dr. Ismail, lawatan ini merupakan sebahagian daripada pendekatan strategik EAIC untuk menilai keadaan sebenar di lapangan dan memastikan pematuhan terhadap standard perkhidmatan yang ditetapkan.

“Sebagai sebuah badan pemantau bebas, EAIC komited untuk turun padang dan menilai sendiri cabaran yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan. Ini penting agar sebarang syor penambahbaikan yang dikemukakan kelak adalah berasaskan pemerhatian langsung di lapangan serta praktikal untuk dilaksanakan,” katanya.

Pendekatan turun padang ini mencerminkan komitmen EAIC dalam melaksanakan pemantauan secara holistik, berasaskan realiti operasi, dan berpaksikan maklum balas terus daripada petugas lapangan. Pendekatan ini turut membentuk asas kukuh bagi syor penambahbaikan yang responsif dan relevan dengan keperluan semasa. Lawatan ini juga membuka ruang kerjasama strategik rentas agensi atau ‘*smart partnership*’, khususnya dalam memastikan pengoperasian yang bersepadu, berkesan dan selari dengan matlamat tadbir urus terbaik.

Hadir bersama dalam lawatan ini Pesuruhjaya EAIC, Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham, Datuk Seri Dr. Yusof Ismail, Dato’ Seri Dr. Razali Ab Malik, Datuk Dr. Mohd Gazali Abas, Datuk Vernon Ong Lam Kiat dan Datuk Siti Zainab Omar. Lawatan turut disertai Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, Puan Asliza Ali, Dato’ Mohd Rusdi Mohd Darus, Pengarah Imigresen Negeri Johor dan Tuan Mohd Sabri Ali, Penolong Pengarah Kastam I.

Lawatan ini mencerminkan kesungguhan EAIC dalam memperkuuh budaya integriti dan tadbir urus yang telus dalam sistem penguatkuasaan negara, sejajar dengan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] serta mandat oleh Ketua Setiausaha Negara yang menjadikan Suruhanjaya sebagai Ketua Peneraju Pasukan Petugas Khas CPI bagi *Focus Group Penguatkuasaan*.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
JOHOR BAHRU**